

Headline	110 pokok ditanam pulihara hutan		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Johor)		
Date	15 Mar 2018	Color	Full Color
Section	Berjimat atasi beban kenaikan harga minyak	Circulation	22,630
Page No	27	Readership	67,890
Language	Malay	ArticleSize	282 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,402
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,207



110 pokok ditanam pulihara hutan

MUAR 14 Mac – Bagi memulihara hutan simpan yang terbakar kira-kira empat tahun lalu, penduduk Mukim Ayer Hitam sekali lagi bergotong-royong menanam 110 anak pokok tenggek burung selepas berjaya menanam 200 batang pokok sama tahun lalu.

Penghulu Mukim Ayer Hitam, Mohd. Afezan Yahya berkata, kebakaran pada 2014 yang memusnahkan satu-satunya hutan paya gambut tropika di negeri ini tidak dibiarkan sepi apabila usaha memelihara dan memulihara khazanah alam berkenaan giat dijalankan.

Menurutnya, hutan seluas 3.8 hektar itu dipulihara menerusi program penanaman pokok yang dilakukan oleh syarikat Coca-

Cola Malaysia dengan kerjasama Yayasan Kemanusiaan Muslim Aid Malaysia (Muslim Aid) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

“Aktiviti ini melibatkan beberapa fasa dan jenis pokok pula adalah berbeza-beza. Dalam fasa pertama sebelum ini, kita menanam 200 batang pokok tenggek burung dan kira-kira 100 batang pokok spesies tempatan jenis kelat paya.

“Pokok-pokok ini dipilih kerana tumbuhan itu sesuai ditanam di tanah paya gambut selain mengeluarkan bunga yang berpotensi menarik kehadiran burung,” katanya dalam program berkenaan semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Komunikasi dan Perhubungan

Awam Coca-cola, Kadri Taib dan Pengerusi Lembaga Muslim Aid, Habsah Marjuni.

Mohd. Afezan berkata, tarikan pelbagai habitat di hutan berkenaan diyakini mampu merangsang hidupan lain termasuk mengindahkan semula suasana flora dan fauna hutan simpan berkenaan.

“Kita berusaha mengelakkan khazanah ini kerana hutan simpan dilihat semakin terancam. Kita tidak mahu kebakaran yang berlaku beberapa tahun lalu dibiarkan menjadi punca kehilangan aset berharga ini,” katanya sambil memberitahu dua projek sekatan air tambahan telah siap dibina di hutan tersebut yang bertujuan menghalang kejadian kebakaran daripada berulang,” ujarnya.

Headline	110 pokok ditanam pulihara hutan		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Johor)		
Date	15 Mar 2018	Color	Full Color
Section	Berjimat atasi beban kenaikan harga minyak	Circulation	22,630
Page No	27	Readership	67,890
Language	Malay	ArticleSize	282 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,402
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,207



SEBAHAGIAN
penduduk,
kakitangan
syarikat
Coca-Cola
Malaysia
dan pelbagai
pihak yang
terlibat
menanam
pokok
tenggak
burung
di Hutan
Simpan
Ayer
Hitam,
Bakri,
Johor,
kelmarin.